

## **LEAPTEC DAN RAKAN KOLABORATIF DESAN SHIPYARD PAMER INOVASI INDUSTRI PERKAPALAN DI LIMA 2023**

**Petaling Jaya, 1 Jun 2023** – Desan Shipyard (“Desan”), syarikat pembinaan kapal dan pembaikan kapal (SBSR) terkemuka, baru-baru ini telah menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA 2023) Edisi ke-16. Sebagai salah satu pameran udara dan maritim terbesar di rantau Asia-Pasifik, LIMA 2023 merupakan platform terbaik bagi Desan mempamerkan inovasi keupayaan SBSR.

Desan dan Leaptec Engineering Sdn Bhd (“Leaptec”), anak syarikat LBS Bina Group Berhad (“LBS”), telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (“MOU”) pada 13 April 2023, bertujuan untuk meneroka potensi pelaksanaan pembinaan dan pembangunan perniagaan limbungan pembaikan kapal di Melaka. Selain itu, Desan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Kaptanoglu, antara syarikat perkapalan pertama di Turkiye dengan lebih 100 tahun pengalaman dalam bidang maritim dan sedang meneroka peluang perniagaan di dalam bidang berkaitan.

Desan dan Leaptec turut merancang untuk mewujudkan limbungan kapal di Melaka menerusi tiga fasa, bermula dengan aktiviti pembaikan kapal. Inisiatif ini seiring dengan rancangan jangka panjang syarikat dan komitmen mereka untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan industri maritim di Malaysia.

Sebagai rakan kerjasama strategik Desan, Leaptec mengambil langkah proaktif dan memainkan pelbagai peranan untuk memperkenalkan perniagaan Limbungan Kapal Leaptec-Desan Melaka, daripada mendapatkan kelulusan kepada memacu pembangunan perniagaan. Kehadiran Desan pada LIMA 2023 kali ini membuktikan kerjasama penuh dan kepakaran Desan dalam memperkuuh industri pembinaan dan pembaikan kapal.

Pengerusi Eksekutif LBS dan Leaptec, Tan Sri Ir. Lim Hock San berkata, “Penglibatan Leaptec di pameran yang disertai oleh Desan merupakan satu perkara yang amat positif dan menggalakkan lebih-lebih lagi dengan kunjungan kenamaan, lima orang Menteri Kabinet dan Ketua Menteri di pameran tersebut. Antaranya ialah, Duta Besar Turki ke Malaysia, H.E.

Emir Salim Yuksel, YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, YB Tuan Anthony Loke, Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Mohamad Hasan, Menteri Pertahanan, bersama YAB Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Kunjungan ini menjadi penanda aras positif ke atas potensi kolaborasi sekaligus mengiktiraf keupayaan Leaptec-Desan untuk menjadi salah sebuah limbungan kapal terbesar di Malaysia. Pembangunan ini akan meningkatkan lagi industri pembinaan dan pemberian kapal SBSR, dan industri maritim di Malaysia. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) turut menyokong industri SBSR dan telah menyatakan minat untuk menyediakan insentif kewangan seperti yang telah diluluskan dalam Bajet 2023 baru-baru ini.”

Desan dan Leaptec menyampaikan penghargaan kepada penganjur dan pelabur potensi di LIMA 2023 di atas sokongan mereka. Pameran ini berjaya mengukuhkan lagi kedudukan Desan sebagai peneraju industri dan memberi komitmen berterusan kepada kedua-dua syarikat untuk memacu inovasi, meningkatkan perkongsian dan menyumbang kepada pertumbuhan industri maritim di Malaysia.

-Tamat-

#### **Mengenai LBS Bina Group Berhad**

LBS Bina Group Berhad (LBS), pemaju perbandaran terkemuka di peringkat antarabangsa dengan visi untuk membina ruang inspirasi sempurna merupakan penyandang pelbagai anugerah menerusi projek pembangunannya. Dengan mengutamakan pembeli rumah, LBS telah membina dan membentuk landskap negara selama 30 tahun dan terus memenuhi permintaan pasaran bagi rumah berkualiti dan mampu milik.

Kejayaan berterusan yang dilakar oleh LBS adalah hasil kepimpinan Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Ir. Lim Hock San yang turut dianugerahkan dengan pingat emas sebagai ‘Property Man of the Year’ by Malaysia Property Award (FIABCI) pada tahun 2018 yang merupakan Anugerah ‘Oscar’ dalam industri hartanah. Ketabahan dan kegigihan Tan Sri Lim di dalam mengatasi cabaran industri, serta kepimpinan yang cemerlang dengan pengetahuan ilmu industri hartanah yang unggul di samping nilai integriti dan tanggungjawab menjadi tonggak kepada penerimaan anugerah ini.

Kini, dengan bank tanah di seluruh Malaysia, LBS terus meraih kejayaan dan kekal kukuh dengan kejayaan perbandaran seperti Bandar Saujana Putra, KITA @ Cybersouth di Dengkil, LBS Alam Perdana di Bandar Puncak Alam dan lain-lain lagi. Selain daripada pembangunan hartanah, LBS turut terlibat di dalam pengurusan runcit, perhotelan dan pelancongan.

Untuk keterangan lanjut, layari <https://lbs.com.my/>.

---

**Untuk pertanyaan Media, hubungi:**

**Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital**

[media@lbs.com.my](mailto:media@lbs.com.my)

We are proudly recognised as **Malaysia's  
Best Managed Companies 2022**

Our strong team is the fuel of this success.  
Thank you for adding extra miles to LBS.

